

## **Impak Isu Nasional dan Isu Setempat Terhadap Sokongan Politik Pengundi di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Limbongan, Pasir Puteh, Kelantan**

*The Impact of National Issues and Local Issues on The Political Support of Voters in the State Legislative Assembly Area of Limbongan, Pasir Puteh, Kelantan*

Siti Nur Farahhana Salehudin  
<sup>1</sup>Junaidi Awang Besar

Program Geografi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence email: <sup>1</sup>jab@ukm.edu.my

### **ABSTRAK**

*Impak isu nasional dan isu setempat terhadap sokongan politik dalam kalangan pengundi berlaku apabila pengundi mempunyai pemahaman yang berbeza mengenai matlamat parti pemerintah dan pembangkang. Di Malaysia, fenomena politik menjadi isu yang menarik untuk dibincangkan dalam komuniti masyarakat pada masa kini iaitu membabitkan isu nasional dan isu setempat yang berlaku akibat kemenangan sesebuah parti politik. Kajian ini adalah untuk menganalisis impak isu nasional dan isu setempat terhadap sokongan politik pengundi di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Limbongan, Pasir Puteh, Kelantan. Kajian ini menggunakan kaedah mengumpul data lapangan yang melibatkan soal selidik, temu bual, pemerhatian di lapangan dan rujukan sumber sekunder. Penganalisan data dilakukan melalui perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 26. Hasil kajian mendapati bahawa 82 peratus responden tahu maksud 'isu semasa'. Selain itu, 100 peratus responden menyatakan 'isu semasa' adalah penting untuk diketahui oleh seseorang masyarakat. Seterusnya, 78 peratus responden menyatakan isu nasional dan isu setempat boleh mempengaruhi pendirian politik pengundi untuk menyokong parti politik. Hasil kajian juga mendapati bahawa 60 peratus responden merasakan isu setempat paling penting bagi pengundi untuk menyokong mana-mana parti di kawasan kajian. Kesimpulannya, kajian ini dilakukan bertujuan untuk memperoleh maklumat yang lebih tepat dan maklumat yang jelas tentang politik yang berlaku. Kajian yang dilakukan ini juga diharap dapat memberi manfaat kepada semua pihak terutamanya kepada pengkaji politik.*

**Kata kunci:** *Isu nasional, isu setempat, parti politik, pengundi*

### **ABSTRACT**

*The impact of national issues and local issues on political support among voters occurs when voters have different understandings of the goals the ruling and opposition parties. In Malaysia, political phenomena are an interesting issue to be discussed in the community today, which involves national issues and local issues that occur because of the victory of a political party. This study is to analyze the impact of national issues and local issues on the political support of voters in the area of state legislative assembly of Limbongan, Pasir Puteh, Kelantan. This study uses field data collection methods that involve questionnaires, interviews, observations in the field and references to secondary sources. Data analysis is done through software the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 26. The results of the study found that 82 percent of respondents knew the meaning of 'current issues'. In addition, 100 percent of respondents stated that 'current*

*issues' are important for a person in the community to know. Next, 78 percent of respondents stated that national issues and local issues can influence the political stance of voters to support political parties. The results of the study also found that 60 percent of respondents felt that local issues were the most important for voters to support any party in the study area. In conclusion, this study was conducted with the aim of obtaining more accurate information and clear information about the politics taking place. This study is also expected to benefit all parties, especially political researchers.*

**Keywords:** National issues, local issues, political parties, voters

## 1. Pengenalan

Impak isu nasional dan isu setempat terhadap sokongan politik dalam kalangan pengundi berlaku apabila pengundi mempunyai pemahaman yang berbeza mengenai matlamat yang membabitkan parti pemerintah dan pembangkang. Di Malaysia, fenomena politik menjadi isu yang menarik untuk dibincangkan oleh pengundi pada masa kini iaitu membabitkan isu nasional dan isu setempat yang berlaku akibat kemenangan sesebuah parti politik. Pertikaian antara parti pemerintah dan pembangkang boleh dikatakan berlaku sepanjang tahun dan kemuncaknya pada Pilihan Raya Umum (PRU). Sokongan pengundi terhadap satu parti politik secara berterusan dipengaruhi oleh isu yang berlaku di sesuatu kawasan.

Sememangnya, kecenderungan politik dalam setiap individu mungkin berpunca daripada pengaruh keluarga, persekitaran, penglibatan dalam organisasi dan sebagainya. Penyelidikan ini merupakan satu kajian mengenai bagaimana situasi sesuatu isu nasional dan isu setempat akan memberi impak terhadap sokongan pengundi kepada parti politik. Justeru, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk mengkaji impak isu nasional dan isu setempat terhadap sokongan politik pengundi di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Limbongan, Pasir Puteh, Kelantan yang akan menjelaskan tujuan kajian agar dapat memenuhi tiga objektif khusus kajian.

## 2. Sorotan Literatur

Ulasan literatur atau kajian lepas ini mempunyai kaitan dengan permasalahan kajian yang boleh diperoleh dalam jurnal, buku dan laporan penyelidikan. Kajian lepas digunakan untuk membantu penyelidik dalam menyediakan borang soal selidik. Terdapat banyak kajian yang dilakukan oleh penyelidik luar negara dan penyelidik dalam negara yang berkaitan dengan bidang politik. Perbincangan kajian lepas adalah berpandukan kepada pendekatan teori yang digunakan bagi kajian yang dijalankan dan kajian ini memberi kesan positif serta kepentingan kepada pelbagai pihak di pelbagai peringkat.

Bagi kajian politik pilihan raya luar negara, kajian oleh Boubacar Samake iaitu 'Islam dan Politik di Mali: Apa Pertaruhannya: Kemunculan Islam di Mali bermula dari abad ketiga belas (tempoh empayar Mali). Pelaku utama pengislaman ini ialah para pedagang dan golongan Almoravid. Sejak saat ini hingga sekarang Islam tetap popular dan begitu juga dengannya pemimpin. Pemimpin agama adalah penghubung antara pentadbiran awam dan masyarakat. Mali memilih demokrasi pada tahun 1991, yang mewujudkan lebih banyak keterbukaan politik, terutamanya dari segi kebebasan awam. Oleh itu, kita menyaksikan kebangkitan pengaruh Islam dalam permainan demokrasi. Menurut kajian 'Jurang Pengetahuan, Jurang Kepercayaan, Ideologi dan Perang Budaya' oleh Gaziano (2013), perpecahan ideologi dan kepartian semakin membahagi Amerika Syarikat menjadi puak yang menentang.

Selain itu, kajian oleh Abdullah et al. (2019) iaitu 'Pilihan Rasional Mengikuti Muhammadiyah dan Nahdlatul Ulama dan Sosialnya dan Peranan Politik dalam Masyarakat

Indonesia' kajian ini bertujuan untuk menerangkan ciri utama Muhammadiyah dan Nahdlatul Ulama untuk memahami sebab pengikut di sebalik menyertai salah satu daripada dua ini organisasi dan menghuraikan peranan dua organisasi dalam aspek sosial dan politik masyarakat Indonesia. Kajian ini dikategorikan di bawah pendekatan definisi sosial. Berdasarkan subjek dan objektif kajian ini, jenis fenomenologi merupakan pendekatan yang sesuai untuk menjalankan kajian ini sebagai tambahan kepada penerangan dan ilustrasi yang mendalam tentang dua organisasi.

Kajian oleh Kavin (2009) melalui artikel 'Masalah Politik: Penyertaan Politik dan Rejim Terbaik Aristotle' menggunakan perkataan yang sama politeia untuk menerangkan kedua-dua genus "rejim" dan spesies tertentu dalam genus tersebut. Beliau berpendapat bahawa penggunaan ini adalah amalan biasa dalam karya amali Aristotle dan mengenal pasti spesies yang paling maju dalam genusnya. Oleh itu, Aristotle melihat rejim politik sebagai lebih sesuai untuk masyarakat maju daripada rejim yang sering diambil untuk mewakili cita-citanya, iaitu, raja dan bangsawan. Pemahaman Aristotle tentang kapasiti, dan batasan, orang ramai membawanya untuk mencadangkan rejim politik campuran sebagai rejim terbaik secara amnya. Walaupun politik berbeza daripada rejim terbaik yang dibincangkan dalam Buku VII, ia masih menawarkan banyak kemungkinan untuk aktiviti politik dan teori.

Selain itu, kajian oleh Andreea-Daniela Fedor dan Corneliu Iațu iaitu 'Penyertaan Wanita dalam Tempatan Kerajaan sebagai Pengundi, Calon dan Datuk Bandar di Wilayah Timur Laut Romania' (2021) adalah untuk menganalisis, memerhati dengan lebih baik dan memahami dinamik penyertaan wanita dalam proses pilihan raya dalam kerajaan tempatan sebagai calon dan pemenang, tetapi juga sebagai pengundi dalam Wilayah Pembangunan Timur Laut Romania. Tumpuan adalah pada kemajuan dibuat atau tidak ke arah kesaksamaan jantina dalam membuat keputusan politik dalam 32 tahun demokrasi. Lebih tepat lagi, betapa besarnya perubahan itu, selepas 7 pilihan raya, mengenai bilangan wanita yang memilih untuk bertanding dalam pilihan raya, untuk sejauh mana mereka diundi dan berapa tinggi kadar kejayaan kejayaan bila berbanding dengan calon lelaki.

Kajian oleh Zaijian Qian dan Shitao Huo (2017) menerusi jurnal 'Politik Penyertaan-Dalam Mencari Tadbir Urus Musyawarah di China' ialah pengarang telah memerhatikan program tajaan kerajaan untuk menyokong dasar maklum balas daripada masyarakat; kita juga telah menyaksikan tindakan spontan oleh individu dan kumpulan sosial untuk melibatkan diri dalam perdebatan dan perbincangan mengenai pelbagai isu dan masalah sosioekonomi, kebanyakannya melalui hubungan langsung dengan agensi kerajaan, atau media massa dan rangkaian media sosial. Ia melalui perbincangan terbuka, adil dan awam mengenai isu-isu besar dan kecil dalam semua sektor institusi kerajaan bahawa kualiti tadbir urus kerajaan telah bertambah baik secara berterusan.

Bagi kajian politik pilihan raya di Malaysia, berdasarkan kajian 'Persepsi Politik Pengundi Belia Melayu Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Malaysia' (2012) oleh Junaidi et al., ia menyingkap persepsi politik pengundi belia Melayu pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2008. Kajian soal selidik seramai 3,484 orang responden. Hasil kajian mendapati dari segi kriteria atau parameter parameter pemilihan calon, 35.9 peratus responden menyatakan mereka memilih calon jujur, ikhlas dan amanah dan parti yang mengutamakan rakyat menjadi pilihan utama mereka (29.3 peratus).

Kajian mengenai 'Persepsi Mahasiswa Terhadap Isu-isu Perpaduan: Kajian ke atas Pelajar-pelajar Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN)' yang dijalankan oleh Razli, Hanum dan Azuddin (2013) memperlihatkan negara berhadapan dengan pelbagai isu seperti kelembapan ekonomi, perpaduan kaum yang dikatakan semakin rapuh di samping isu mengenai perkembangan politik dalam negara selepas Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU-12) pada tahun 2008. Keadaan ini juga dikaitkan dengan pola pemikiran generasi muda iaitu kesukaran untuk memahami pemikiran mereka sehingga menghasilkan keputusan pilihan raya 2008 yang luar biasa.

Junaidi et al. (2014) dalam artikel jurnal yang bertajuk "Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu Analisis 'Tsunami Politik Bandar'" mendapati bahawa 'tsunami politik bandar'

berlaku disebabkan oleh faktor akses pengundi bandar kepada sumber maklumat politik daripada media alternatif seperti facebook, twitter, laman web, blog dan juga SMS di samping faktor sokongan padu pengundi etnik Cina bandar dan sokongan golongan profesional dan pengundi muda kepada Pakatan Rakyat (PR).

Selain itu, berdasarkan kajian 'Komuniti minoriti dan pembentukan landskap politik lokal: Penglibatan politik belia Siam di Semenanjung Malaysia) oleh Sarjit, Mohd Razali dan Ahmad Tarmizi (2014) membincangkan penglibatan politik belia Siam di Semenanjung Malaysia. Wacana politik komuniti minoriti seakan-akan dipinggirkan. Realitinya, komuniti minoriti juga menyumbang kepada perkembangan politik negara. Pasca Pilihan Raya Umum Ke-12 (PRU-12), belia minoriti khususnya dalam kalangan komuniti Siam dilihat sebagai golongan penting dalam mencorak landskap politik negara terutama dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) khususnya di beberapa buah negeri yang dominan dengan komuniti Siam seperti Kedah, Kelantan dan Perlis. PRU 12 telah memberikan kesan besar kepada perubahan landskap politik Malaysia. Keputusan PRU-12 menunjukkan bahawa Barisan Nasional sebagai parti pemerintah tewas di Kedah dan masih lagi gagal menawan Kelantan yang mempunyai komuniti Siam paling ramai di Malaysia.

Kajian oleh Mohd Azri (2015) iaitu artikel 'Pilihan Raya Dan Tingkah Laku Pengundi Dalam Pru 2008: Kajian Kes Di Wilayah Persekutuan Labuan, Malaysia' adalah membincangkan tingkah laku politik dengan memfokuskan kepada tingkah laku pengundi dalam sistem pilihan raya demokrasi. Prinsip asas yang menunjangi sistem demokrasi ialah hak rakyat untuk memilih kerajaan, iaitu kerajaan yang akan memerintah menerusi amalan pilihan raya yang adil, bebas dan telus. Penulisan ini telah memilih tingkah laku pengundi di Wilayah Persekutuan Labuan menerusi pilihan raya umum (PRU) 2008 sebagai kajian kes. Pilihan raya di Malaysia menunjukkan bahawa tingkah laku pengundi boleh dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti kredibiliti calon, pegangan agama, kekuatan parti, kedudukan ekonomi, kepentingan isu dan sebagainya.

Bagi kajian politik pilihan raya di Negeri Kelantan, Rahmat (1979) dalam buku yang bertajuk "Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan 1776-1842" menjelaskan bahawa perkembangan politik kesultanan di Kelantan dipengaruhi oleh Pattani dan berlaku pergolakan antara kerabat DiRaja untuk merebut takhta negeri tersebut. Alias (1991) dalam buku yang bertajuk "Ada Apa di Serambi Mekah" memerihalkan tentang pencapaian Kerajaan PAS Kelantan selama 2 tahun pemerintahan berteraskan kepimpinan ulamak. Turut dihuraikan isu politik antara kepimpinan Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri yang berlarutan sejak PRU 1990. Mohd Firdaus (1992) dalam buku yang bertajuk "Kerajaan Tanpa Restu" menjelaskan bahawa walaupun Kerajaan Kelantan terus ditekan oleh Kerajaan Pusat pimpinan BN namun rakyat Kelantan terus cecal dan kuat menghadapi sekatan tersebut.

Bagi Majelar (1993) dalam penyelidikan berkenaan sumbangan wanita Kelantan ketika pilihan raya menunjukkan bahawa sumbangan wanita Melayu dapat ditonjolkan dalam beberapa aspek seperti keluar mengundi, sebagai peminat dari rumah ke rumah selain daripada berperanan sebagai ahli parti politik. Mohammad Agus (1994) dalam buku yang bertajuk "Politik Kelantan Selepas Pilihanraya 1990" menjelaskan bahawa terdapat cabaran pemerintahan PAS-APU di Kelantan selepas PRU 1990, antaranya adalah hubungan antara PAS-Semangat 46, pengekalan dan pemeliharaan aset peninggalan Kerajaan BN, budaya hidup generasi muda Kelantan, pengurusan sumber asli Kelantan dan peranan masyarakat Kelantan di perantauan.

Mohd Sayuti (1994) dalam buku yang bertajuk "Dilema Politik Kelantan: Mampukah BN Gugat Angkatan?" menjelaskan bahawa PAS ditonjolkan sebagai simbol kekuatan Islam di Kelantan manakala UMNO pula dilabelkan sebagai agen pembangunan. Alias (1994) dalam buku yang bertajuk "Kelantan di Bawah Pemerintahan PAS: Masalah Tanah dan Rasuah" menjelaskan bahawa terdapat banyak kelemahan pemerintahan PAS Kelantan sejak 1959 hingga 1990 yang

berpunca daripada ketidakfahaman kaedah pentadbiran dan parti politik menguasai kerajaan akibat desakan pimpinan politik bawahan di negeri tersebut.

Kamsaini (1995) menjelaskan wanita adalah jentera barisan hadapan yang utama bagi parti dan calon yang bertanding di Kelantan, kerana setia memberikan sokongan. Yusri (1995) dalam buku yang bertajuk “Kelantan: Penentu Agenda Politik Malaysia” menjelaskan bahawa keunikan orang Kelantan yang minat berniaga dan boleh hidup berdikari tanpa mengharapkan bantuan besar menjadikan mereka juga bebas ber-politik meskipun melawan arus politik semasa. Nik Aziz (1995) dalam buku yang bertajuk “Kelantan Uni-versiti Politik Terbuka” menjelaskan rakyat Kelantan terbuka dalam menilai senario politik semasa, berdikari dalam bertindak serta memahami selok belok politik di negeri tersebut. Rakyat dan ahli politik daripada negeri lain perlu belajar daripada Kelantan agar bijak dan matang dalam membuat sesuatu keputusan politik.

Akhir sekali, kajian oleh Muhamad Nadzri dan Mohd Faizal (2016) iaitu ‘Pilihan Raya Dalam Politik Kelantan 1990 - 2013: Antara Parti, Pemimpin Dan Isu’ adalah berkaitan politik dan pilihan raya Kelantan sering kali dianggap umum sebagai sebuah fenomena politik yang unik. Malah terdapat beberapa usaha untuk memahami keunikan itu, tetapi akhir mereka memerihalkan bahawa politik Kelantan sememangnya unik. Pemahaman umum bahawa politik negeri itu adalah unik adalah kerana di saat negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia secara konsisten, sebelum Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 mengundi Barisan Nasional (BN), pengundi di Kelantan berterusan mengundi Parti Islam Se-Malaysia (PAS) sebagai kerajaan negeri khususnya sejak PRU 1990. Rozimi (2016) dalam buku yang bertajuk “Kelantan 1977: Politik dan Pergolakan” menyatakan bahawa dalam negeri Kelantan pernah menghadapi pergolakan perebutan kuasa yang akhirnya menyebabkan berla-kunya Darurat 1977 di Kelantan.

### **3. Metod Kajian dan kawasan kajian**

#### **3.1 Kaedah Mengumpul Data**

Data primer dan data sekunder adalah dua jenis cara pengumpulan data yang penting untuk di analisis bagi mendapatkan hasil kajian yang jelas. Data juga boleh dirujuk sebagai maklumat yang memberikan gambaran tentang suatu persoalan yang berlaku di sesuatu kawasan. Pengkaji menggunakan data yang diperolehi untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan dalam kajian penyelidikan.

Kaedah soal selidik adalah salah satu kaedah yang digunakan bagi mendapatkan maklumat penting daripada responden. Soal selidik ini melibatkan responden di kawasan bandar dan luar bandar yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur yang layak mengundi. Terdapat pelbagai maklumat penting dan persoalan yang ditanya oleh pengkaji dalam borang soal selidik yang terbahagi kepada beberapa bahagian. Kaedah soal selidik kajian ini dilakukan berpandukan tiga objektif khusus.

Kaedah temu bual pula penting bagi memperoleh maklumat lisan tentang penyelidikan secara informal. Temu bual ini melibatkan dua atau tiga orang individu iaitu terdiri daripada pengundi yang berjawatan di kawasan kajian. Berdasarkan topik dan persoalan yang dibincangkan dalam temu bual ini, pengkaji boleh melihat dan mendengar sendiri pandangan mereka sebagai pengundi terhadap keadaan politik pilihan raya di kawasan kajian. Temu bual ini juga akan direkodkan dan dicatat oleh pengkaji untuk mengukuhkan lagi hasil kajian. Kaedah ini sangat penting dan sangat membantu pengkaji dalam penyelidikan yang dijalankan ini.

Pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji di kawasan kajian akan menguatkan lagi ketepatan maklumat dan memberi sokongan mengenai kajian yang dilakukan. Pemerhatian ini dilakukan sendiri oleh pengkaji dengan cara pengkaji turun ke lapangan pada waktu yang telah

ditetapkan. Melalui kaedah pemerhatian ini, pengkaji dapat melihat sendiri tingkah laku yang ditunjukkan oleh pengundi di kawasan kajian. Kaedah ini penting untuk membantu pengkaji dalam menyiapkan penyelidikan yang dijalankan.

Dalam kajian ini, pengkaji turut mendapatkan maklumat menerusi data Statistik Pengundi yang merangkumi aspek kaum, umur dan juga jantina. Selain itu, rujukan *Score Sheet* Keputusan PRU 2018 dan PRU 2022 mengikut saluran dan daerah mengundi turut dilakukan bagi mengukuhkan lagi kajian ini.

Perpustakaan merupakan tempat paling utama untuk memperoleh sesuatu maklumat ataupun data. Ianya terdapat dalam pelbagai bentuk antaranya buku, majalah, jurnal, risalah, akhbar, artikel, laporan bulanan dan tahunan kerajaan. Perpustakaan yang sering dikunjungi oleh pengkaji untuk mendapatkan sumber maklumat dan data adalah Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Pusat sumber. Akhbar yang menjadi rujukan pula seperti Utusan Malaysia, Berita Harian, Harakah, Suara Keadilan dan Suara Amanah.

Dalam kajian ini, pengkaji juga mendapatkan maklumat dan membuat rujukan secara online di internet. Antaranya adalah melalui laman web yang berkaitan politik pilihan raya, akhbar *online*, *blog*, *aplikasi whatsapp*, *facebook*, *Instagram*, *twitter*, *telegram*, *youtube* dan pelbagai lain. Rujukan secara online ini sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji memperoleh maklumat berkaitan politik yang diperlukan dalam menyiapkan penyelidikan ini.


### **3.2 Analisis Data**

Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan teknik menganalisis data. Hal ini kerana data akan dikemaskini mengikut pengagihan maklumat bagi setiap soalan (variable) dengan menggunakan aplikasi 'Statistical Package for The Social Science Version Personal Computer' atau dipanggil SPSS PC. Aplikasi SPSS ini sememangnya mempunyai banyak kelebihan kerana ia dapat menganalisis pelbagai jenis data serta dapat menghasilkan satu rumusan data yang ringkas, tepat dan padat. Penggunaan aplikasi ini dapat membantu pengkaji menjimatkan masa dalam proses penganalisan data. Selepas pengkaji menganalisis data, tafsiran data akan dilakukan dengan menggunakan Microsoft Excel. Justeru itu, data yang dihasilkan dalam bentuk rajah, graf atau carta.

### **3.3 Kawasan Kajian**

Limbongan merupakan sebuah daerah yang berada di ibu jajahan Pasir Puteh di Kelantan. Di kawasan Limbongan merangkumi Kampung Merkung, Jelor, Padang Pak Amat, Permatang Sungkai, Cherang Tuli, Kampung Nara, Alor Pasir, Saring, Gong Serapat, Dalam Kemunting, Kampung Raja dan Bandar Pasir Puteh. Limbongan merupakan sebuah bahagian pilihan raya negeri di Kelantan, Malaysia yang mempunyai wakil di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan dengan kod N30. Kawasan DUN ini mula dipertandingkan pada 1986 dan memberi mandat kepada seorang ahli Dewan Undangan Negeri di DUN Kelantan mengikut sistem undian terbanyak.

Kawasan DUN Limbongan berkeluasan 91 km persegi dengan 13,398 orang pemilih. Dari segi komposisi etnik, kawasan DUN Limbongan mempunyai 99.28 peratus etnik Melayu, 0.21 peratus etnik Cina, 0.10 peratus etnik India dan selebihnya adalah lain-lain. Pada PRU-13 iaitu pada tahun 2013, calon daripada PAS iaitu Mohd Nazlan Mohamed Hasbullah menang dengan memperoleh 10,480 undi dan mengalahkan calon daripada BN iaitu Mohd Rujhan Selleh yang memperoleh 9,438 undi. Seterusnya, pada PRU-14 iaitu tahun 2018, sekali lagi dimenangi oleh Mohd Nazlan Mohamed Hasbullah iaitu calon daripada PAS dengan memperoleh 10,563 undi mengalahkan calon daripada BN iaitu Mohd Hanafiah Abdul Aziz yang memperoleh 7,425 undi dan calon daripada PH iaitu Zarir Yaakob yang memperoleh 1,921 undi.



RAJAH 1: Peta kawasan DUN Limbongan, Pasir Puteh, Kelantan

Kajian ini dijalankan di DUN Limbongan kerana ingin melihat sendiri situasi impak isu nasional dan isu setempat terhadap sokongan politik pengundi yang berlaku dalam kawasan tempat

tinggal pengkaji. Kawasan kajian yang berdekatan dengan tempat tinggal akan memudahkan pengkaji untuk mengedarkan borang soal selidik kepada responden. Kawasan ini mempunyai jumlah bilangan penduduk yang berdaftar sebagai pengundi untuk PRU-15 ialah seramai 113,450 orang. Limbongan merupakan DUN yang terdapat di Parlimen Pasir Puteh dimana pada PRU-15 Parlimen Pasir Puteh telah dimenangi oleh YB Ustaz Dr. Nik Zawawi dari (Parti Islam SeMalaysia) yang telah menewaskan Datuk Cikgu Awi dari (Barisan Nasional-UMNO), Ustaz Muhammad Husain (Pakatan Harapan-AMANAH) dan Kapten Wan Marzudi dari (Parti Pejuang Tanahair).

#### **4. Hasil Kajian dan Perbincangan**

Analisis dilakukan secara kuantitatif dan kualitatif bagi menghuraikan objektif khusus kajian yang berkaitan dengan kajian “Impak Isu Nasional Dan Isu Setempat Terhadap Sokongan Politik Pengundi di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Limbongan, Pasir Puteh, Kelantan”. Secara khususnya, terdapat tiga objektif khusus iaitu mengenal pasti tahap pengetahuan dan kefahaman responden terhadap isu semasa di kawasan kajian; mengkaji persepsi responden terhadap isu nasional dan isu setempat di kawasan kajian; dan menganalisis pengaruh isu nasional dan isu setempat terhadap keputusan politik responden di kawasan kajian.

##### **4.1 Tahap Pengetahuan dan Kefahaman Responden Terhadap Isu Semasa**

###### **4.1.1 Pengetahuan terhadap ‘Isu Semasa’**

Pengetahuan terhadap isu semasa menunjukkan 82 peratus responden tahu terhadap isu semasa dan 18 peratus tidak tahu terhadap isu semasa. Antara maksud isu semasa yang dijelaskan ialah isu yang sedang berlaku, masalah yang menjadi isu terkini, isu politik, ekonomi dan sosial yang sedang berlaku, isu berkaitan politik yang sedang berlaku dan perkara yang sedang dihadapi. Hal ini demikian menunjukkan masyarakat mengetahui terhadap pengetahuan isu semasa dan terdapat segelintir masyarakat yang tidak mengetahui terhadap maksud isu semasa. Oleh itu, pengetahuan terhadap isu semasa perlu diperluas agar seluruh masyarakat dapat mengetahui tentang isu semasa agar setiap masyarakat dapat mengetahui tentang isu semasa dengan lebih baik.

Menurut YB Ustaz Datuk Dr. Haji Nik Mohamad Zawawi Salleh (Ahli Parlimen Pasir Puteh, Kelantan), beliau menyatakan bahawa:

“Isu semasa ni isu yang bertukar-tukar, hari ni isu lain, esok isu lain apa semua sekali tu isu semasa. Sama ada ia isu yang berbentuk tempatan atau ia isu nasional atau isu antarabangsa. Contoh isu itu banyak berlambang seperti isu sehari dua ini isu guna duit kerajaan untuk tarik orang-orang muda pergi ke gereja itu isu, isu yang berlaku yang boleh mencetuskan pragmatik, isu perdana Menteri cakap bohong selalu itu isu nasional dan yang tadi pun isu nasional. Kalau isu tempatan isu yang berlaku di kawasan kita iaitu isu air tak ada tapi sebenarnya Kelantan ada air cuma kualiti air tiada.”

(YB Ustaz Datuk Dr. Haji Nik Mohamad Zawawi Salleh, 19 Mac 2023)

Menurut Ustaz Muhammad Husain (Pengerusi AMANAH Kelantan; Pengerusi PH Kelantan; bekas calon PH-AMANAH Parlimen Pasir Puteh, Kelantan), beliau menyatakan bahawa:



“Isu semasa ni dari pengetahuan ustaz ialah isu yang sedang berlaku dan merupakan isu yang terkini. Dari sudut politik pula isu yang melibatkan perkara yang berlaku dan yang berkaitan dengan politik, contohnya berkaitan parti itu sendiri, calon parti yang terlibat, pengundi dan hasil pemerintahan sesebuah parti. Tapi kalau sebut isu semasa ini dia melibatkan semua perkara yang sedang berlaku di negara atau luar negara dan perkara yang dibangkitkan.”

(Ustaz Muhammad Husain, 19 Mac 2023)

#### 4.1.2 *Kepentingan ‘Isu Semasa’ untuk diketahui oleh seseorang masyarakat*

Berdasarkan hasil kajian terhadap kepentingan isu semasa menunjukkan bahawa 100 peratus responden bersetuju bahawa isu semasa adalah penting untuk diketahui oleh seseorang masyarakat. Antara sebab masyarakat menganggap isu semasa penting untuk diketahui oleh seseorang masyarakat ialah menentukan jalan penyelesaian, tidak ketinggalan maklumat semasa, menambah pengetahuan terhadap sesuatu perkara, dapat mengatasi sesuatu isu yang berlaku dengan baik dan mengelakkan daripada terus berlaku.

#### 4.1.3 *Ambil tahu terhadap isu semasa pada peringkat nasional dan peringkat setempat/kawasan responden*

Isu semasa perlu diketahui oleh semua masyarakat di semua peringkat iaitu peringkat nasional dan peringkat setempat. Berdasarkan kepada Jadual 1 menunjukkan masyarakat yang ambil tahu terhadap isu semasa pada peringkat nasional dan peringkat setempat atau kawasan responden.

JADUAL 1: Ambil tahu terhadap isu semasa pada peringkat nasional dan peringkat setempat/kawasan responden (Peratus)

Jenis isu	Tahu	Tidak tahu	Tidak pasti
Isu nasional/negara	90	0	10
Isu setempat	90	0	10

Sumber: Soal selidik 2023

Jadual 1 menunjukkan isu semasa pada peringkat nasional menunjukkan 90 peratus responden tahu dan 10 peratus responden tidak pasti terhadap isu semasa pada peringkat nasional yang berlaku. Selain itu, bagi isu semasa pada peringkat setempat atau kawasan responden juga menunjukkan 90 peratus responden tahu dan 10 peratus responden tidak pasti. Hal ini demikian menunjukkan hampir keseluruhan masyarakat di kawasan kajian mengambil tahu tentang isu semasa pada peringkat nasional dan isu semasa pada peringkat setempat. Isu semasa yang berlaku sangat penting untuk diketahui oleh setiap masyarakat untuk memastikan sesuatu perkara yang berlaku dapat diatasi.

#### 4.1.4 *Kefahaman terhadap isu semasa pada peringkat nasional dan peringkat setempat/kawasan responden dari segi literasi/kefahaman terhadap sesuatu isu semasa*

Kefahaman terhadap isu semasa yang berlaku sama ada pada peringkat nasional dan peringkat setempat terhadap sesuatu isu semasa adalah penting untuk difahami oleh masyarakat bagi

mengelakkan sebarang salah faham terhadap sesuatu isu yang berlaku. Berdasarkan Jadual 2 menunjukkan peratus masyarakat yang faham terhadap isu semasa pada peringkat nasional dan peringkat setempat/kawasan responden dari segi literasi/kefahaman terhadap sesuatu isu semasa.

JADUAL 2: Kefahaman terhadap isu semasa pada peringkat nasional dan peringkat setempat/kawasan responden dari segi literasi/kefahaman terhadap sesuatu isu semasa (Peratus)

Jenis isu	Faham	Tidak faham	Tidak pasti
Isu nasional/negara	90	0	10
Isu setempat	90	0	10

Sumber: Soal selidik 2023

Jadual 2 menunjukkan kefahaman terhadap isu semasa pada peringkat nasional dari segi literasi/kefahaman terhadap sesuatu isu semasa ialah 90 peratus responden tahu dan 10 peratus responden tidak pasti. Seterusnya, kefahaman terhadap isu semasa pada peringkat setempat atau kawasan responden dari segi literasi atau kefahaman terhadap sesuatu isu semasa juga menunjukkan 90 peratus responden tahu dan 10 peratus responden tidak pasti. Hasil menunjukkan hampir keseluruhan masyarakat di kawasan kajian faham terhadap isu semasa yang berlaku di peringkat nasional dan peringkat setempat.

#### 4.2 Persepsi Responden Terhadap Isu Nasional Dan Isu Setempat di Kawasan Kajian

##### 4.2.1 Pendapat umum mengenai 'Isu Semasa di Peringkat Nasional/Malaysia'

Terdapat beberapa isu semasa yang berlaku di peringkat nasional untuk mengetahui pendapat masyarakat terhadap isu semasa tersebut. Pendapat masyarakat sama ada setuju, tidak setuju dan tidak pasti adalah penting untuk diketahui. Berdasarkan Jadual 3 menunjukkan beberapa isu semasa di peringkat nasional yang berlaku.

JADUAL 3: Pendapat umum mengenai pernyataan 'Isu semasa di peringkat nasional/Malaysia' (Peratus)

Bil.	Isu Semasa di Peringkat Nasional/Malaysia	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
1.	Isu kenaikan harga barang dapat diselesaikan oleh Kerajaan Pusat.	70	16	14
2.	Isu kenaikan kadar OPR oleh Bank Negara meresahkan peminjam kredit daripada bank.	76	4	20
3.	Peluang pekerjaan yang terhad menyebabkan ramai yang menganggur.	94	0	6
4.	Isu kredibiliti Timbalan Presiden UMNO yang masih dalam kes perbicaraan di mahkamah menyebabkan rakyat sukar mempercayai ahli politik.	68	14	18
5.	Isu perkauman dan keagamaan di negara ini masih terkawal.	76	2	22
6.	Isu pergolakan politik masih berlaku hingga sekarang.	100	0	0

7.	Isu alam sekitar seperti pencemaran dan kemusnahan alam sekitar masih dapat ditangani Kerajaan Persekutuan.	72	12	16
8.	Isu berita tidak benar dan bersifat menghasut masih terkawal.	72	14	14
9.	Isu bekalan telur yang sukar dan berkurang dapat ditangani Kerajaan Persekutuan dengan baik.	72	14	14
10.	Isu jenayah penipuan seperti scam masih dapat dikawal.	74	10	16

Sumber: Soal selidik 2023

Berdasarkan Jadual 3 menunjukkan pendapat umum mengenai isu semasa di peringkat nasional di kawasan kajian. Seramai 100 peratus responden bersetuju bahawa 'Isu pergolakan politik masih berlaku hingga sekarang'. Hal ini demikian dapat dilihat oleh masyarakat pada setiap Pilihan Raya Umum dilakukan, terutama pada PRU-15 apabila kesemua parti tidak mendapat jumlah kerusi yang sepatutnya untuk menjadi memerintah kerajaan.

Seterusnya, pendapat umum terhadap isu semasa 'Peluang pekerjaan yang terhad menyebabkan ramai yang menganggur', seramai 94 peratus responden bersetuju terhadap pernyataan tersebut. Hal ini berpunca daripada ekonomi negara yang tidak stabil menyebabkan berlakunya jumlah pengangguran yang semakin meningkat. Jumlah graduan yang dilahirkan institusi pengajian tinggi (IPT) juga melebihi keperluan tenaga kerja yang ada dan yang diperlukan. Oleh itu, isu peluang pekerjaan seharusnya ditangani oleh kerajaan untuk mengelakkan lebih ramai menganggur.

Akhir sekali, seramai 76 peratus responden bersetuju bahawa isu semasa 'Isu kenaikan kadar OPR oleh Bank Negara meresahkan peminjam kredit daripada bank'. Kenaikan kadar OPR oleh Bank Negara menyebabkan peminjam kredit daripada bank akan menghadapi kesukaran untuk membayar pinjaman kerana perlu membayar dengan kadar yang lebih tinggi dan ramai individu serta isi rumah dijangka akan terjejas dalam menguruskan perbelanjaan melibatkan makanan, utiliti dan pendidikan anak-anak.

Menurut YB Ustaz Datuk Dr. Haji Nik Mohamad Zawawi Salleh (Ahli Parlimen Pasir Puteh, Kelantan), beliau menyatakan bahawa:

“Isu nasional ialah isu yang melibatkan isu yang berlaku di seluruh negeri atau lebih tepat isu yang berlaku di Malaysia. Isu nasional lebih luas dan melibatkan lebih ramai masyarakat di Malaysia serta pelbagai isu yang akan timbul. Antara isu nasional yang sering di bincangkan atau diperkatakan ialah isu berkaitan PRU-15 yang mana isu ini banyak menimbulkan tanda tanya, salah faham dan PRU-15 juga bertambah sukar kerana tiada keputusan parti kerusi yang cukup atau majoriti menang untuk memerintah kerajaan. Isu pemerintah baru juga merupakan isu nasional yang dibicारा oleh masyarakat sebab ramai rakyat yang nak lihat perubahan atau dapat ke kerajaan baru memastikan masalah negara dapat di atasi.”

(YB Ustaz Datuk Dr. Haji Nik Mohamad Zawawi Salleh, 19 Mac 2023)

Menurut Ustaz Muhammad Husain (Pengerusi AMANAH Kelantan; Pengerusi PH Kelantan; bekas calon PH-AMANAH Parlimen Pasir Puteh, Kelantan), beliau menyatakan bahawa:

“Isu nasional yang melibatkan seluruh Malaysia untuk masa sekarang saya rasa isu pemerintahan Pakatan Harapan atau pimpinan Datuk Seri Anwar. Lagi pun memang Pakatan Harapan mampu untuk memerintah negara dan melakukan perubahan untuk semua bidang terutama ekonomi negara, sebab kita tahu ekonomi sekarang berapa pada tahap yang membimbangkan selepas wabak COVID-19 tapi saya yakin Datuk Seri Anwar mampu untuk memastikan ekonomi terus meningkat dan stabil. Isu nasional lain mungkin isu perkauman sebab Malaysia memang ada pelbagai kaum yang harus hidup sebagai satu masyarakat oleh itu isu perkauman perlu diambil perhatian untuk elak pergaduhan dan yang akan merugikan masyarakat dan negara.”

(Ustaz Muhammad Husain, 19 Mac 2023)

#### 4.2.2 *Pendapat umum mengenai ‘Isu setempat di kawasan DUN Limbongan, Pasir Puteh, Kelantan’*

Beberapa isu semasa yang berlaku di peringkat setempat iaitu di kawasan DUN Limbongan dinyatakan untuk mengetahui pendapat masyarakat terhadap isu semasa tersebut sama ada setuju, tidak setuju dan tidak pasti adalah penting untuk diketahui oleh pengkaji. Jadual 4 menunjukkan beberapa isu semasa di peringkat setempat di kawasan DUN Limbongan yang berlaku.

JADUAL 4: Pendapat umum mengenai pernyataan ‘Isu setempat di kawasan DUN Limbongan, Pasir Puteh, Kelantan’ (Peratus)

Bil.	Isu setempat di kawasan DUN Limbongan, Pasir Puteh, Kelantan	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
1.	Masalah sosial di kawasan anda masih dapat dikawal oleh pihak berkuasa.	74	20	6
2.	Pihak polis menangani jenayah dengan berkesan dan efisien.	78	20	2
3.	Gejala penagihan dadah di kawasan ini dapat dibendung oleh pihak berkuasa.	66	22	12
4.	Pihak kerajaan dapat membasmi kemiskinan di kawasan anda.	30	68	2
5.	Keadaan jalan raya di kawasan ini masih baik.	64	22	14
6.	Penduduk terutamanya golongan muda di kawasan ini memerlukan pemilikan rumah sendiri yang bersifat mampu milik.	88	0	12
7.	Peluang perniagaan terbuka luas di kawasan kajian.	74	16	10
8.	Kemudahan awam di kawasan ini mencukupi dan di selenggara dengan baik.	52	10	38
9.	Tiada pencemaran alam sekitar di kawasan ini.	44	40	16
10.	Tiada penularan wabak pandemik COVID-19 di kawasan ini.	84	6	10

Sumber: Soal selidik 2023

Jadual 4 menunjukkan pendapat umum mengenai isu semasa yang berlaku di kawasan DUN Limbongan. Antara isu semasa yang mendapat 88 peratus responden bersetuju ialah isu ‘Penduduk terutamanya golongan muda di kawasan ini memerlukan pemilikan rumah sendiri yang bersifat mampu milik’. Hal ini kerana di kawasan kajian masih terdapat kurang golongan muda yang

memiliki pemilikan rumah sendiri dan terpaksa tinggal bersama ibu bapa walaupun sudah berkahwin. Kesukaran golongan muda untuk mendapatkan pemilikan akibat kadar gaji yang rendah menyebabkan mereka tidak mempunyai rumah sendiri.

Selain itu, seramai 84 peratus responden setuju bahawa isu semasa ‘Tiada penularan wabak pandemik COVID-19 di kawasan ini’. Hal ini menunjukkan bahawa isu COVID-19 adalah semakin kurang berlaku dan Isu COVID-19 yang melanda negara dilihat dapat diatasi dengan baik walaupun wabak COVID-19 masih berlaku di beberapa kawasan. Oleh itu, pencegahan secara berkesan dan berterusan perlu dilakukan untuk mengelakkan kes penularan wabak COVID-19 berlaku dan terus meningkat.

Di samping itu, isu semasa iaitu isu ‘Pihak polis menangani jenayah dengan berkesan dan efisien’, seramai 78 peratus responden ‘setuju’ dengan pernyataan tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa pihak polis melakukan tugas dengan baik sehingga jenayah dapat ditangani dengan berkesan. Keberkesanan pihak polis menangani jenayah ialah memerlukan kerjasama daripada masyarakat setempat untuk memberi maklumat yang sahih agar pihak polis dapat menjalankan tugas dengan berkesan dan kes jenayah dapat dikurangkan.

Menurut Ustaz Muhammad Husain (Pengerusi AMANAH Kelantan; Pengerusi PH Kelantan; bekas calon PH-AMANAH Parlimen Pasir Puteh, Kelantan), beliau menyatakan bahawa:

“Isu Kelantan negeri ketiga termiskin di Malaysia selepas Sabah dan Sarawak, selama merdeka kerajaan tidak pernah tengok kenapa terjadi Kelantan ini miskin. Maknanya kerajaan tidak ambil serius macam mana untuk selamatkan, jadi bila isu betul Kelantan miskin. Orang miskin ni contoh dalam sosiologi dia tak akan boleh bangkit kecuali dia ada kesedaran, dia tak sedar dia miskin dan tak ada kesedaran dan harap kerajaan bagi, itu asas sosiologi. Kalau dia ada kesedaran dia akan bangkit tapi benda tu tak berlaku.”

(Ustaz Muhammad Husain, 19 Mac 2023)

### ***4.3 Pengaruh Isu Nasional dan Isu Setempat Terhadap Keputusan Politik Responden di Kawasan Kajian***

#### ***4.3.1 Isu nasional dan setempat (DUN Limbongan) terhadap pendirian politik pengundi untuk menyokong mana-mana parti politik di kawasan responden***

Pendirian politik pengundi ialah faktor politik atau kecenderungan pengundi terhadap parti politik, calon, atau isu politik tertentu. Pendirian politik pengundi dapat dipengaruhi oleh berbagai faktor, termasuk nilai peribadi, keyakinan ideologi, pengalaman hidup, pendidikan, dan informasi yang diterima.

JADUAL 5: Pengaruh isu nasional dan setempat (DUN Limbongan) terhadap pendirian politik pengundi untuk menyokong mana-mana parti politik di kawasan responden (Peratus)

Peringkat isu	Boleh pengaruhi	Tidak boleh pengaruhi	Tidak pasti
Isu nasional/negara	78	8	14
Isu setempat	78	8	14

Sumber: Soal selidik 2023

Berdasarkan Jadual 5 menunjukkan pengaruh isu nasional dan setempat terhadap pendirian politik pengundi untuk menyokong mana-mana parti politik di kawasan kajian. Seramai 78 peratus bersetuju bahawa isu nasional dan seramai 78 peratus responden juga bersetuju bahawa isu setempat boleh pengaruhi pendirian politik pengundi untuk menyokong parti politik dalam pilihan raya. Hal ini menunjukkan bahawa isu semasa yang berlaku akan mempengaruhi seseorang pengundi akibat daripada pendedahan isu semasa mengenai parti politik melalui media sosial.

**4.3.2** *Respons responden terhadap persoalan “Antara isu Nasional dan isu setempat (DUN Limbongan), yang manakah paling penting bagi pengundi di kawasan anda untuk menyokong mana-mana parti politik di kawasan kajian”*

Antara isu nasional dan isu setempat yang paling penting bagi pengundi untuk menyokong mana-mana parti politik di kawasan kajian ialah isu setempat iaitu seramai 60 peratus responden memilih isu setempat dan seramai 40 peratus responden memilih isu nasional. Hal ini menunjukkan bahawa isu setempat lebih penting bagi pengundi untuk menyokong parti politik berbanding isu nasional, namun begitu setiap isu setempat dan isu nasional akan memberi kesan yang tersendiri. Seterusnya, antara sebab responden memilih isu setempat ialah masyarakat beranggapan bahawa isu yang kecil iaitu di kawasan kajian akan mempengaruhi isu besar iaitu isu nasional, perubahan geopolitik setempat yang lebih baik akan lebih mempengaruhi, isu setempat lebih mempengaruhi kehidupan seharian, isu setempat yang dihadapi oleh penduduk dan masalah yang melibatkan kawasan sekitar. Oleh itu, isu setempat yang berlaku akan mempengaruhi sokong masyarakat untuk menyokong sesebuah parti politik. Tindakan yang cepat, berkesan dan menyelesaikan masalah oleh sesebuah parti politik akan memperoleh sokong daripada masyarakat dan hal ini akan memastikan parti yang bertanggungjawab dapat memerintah kerajaan.

## **5. Kesimpulan**

Kesimpulannya, impak isu nasional dan isu setempat terhadap sokongan politik dalam kalangan impak isu nasional dan isu setempat memainkan peranan penting dalam mempengaruhi sokongan politik dalam kalangan pengundi. Pengundi cenderung mempertimbangkan kedua-dua isu tersebut dalam membuat keputusan ketika memilih parti politik yang ingin mereka sokong. Pengundi cenderung memberikan perhatian kepada kedua-dua isu nasional dan setempat. Isu nasional dapat menarik sokongan politik dari sejumlah besar pengundi kerana kepentingannya yang meluas dan pengaruhnya terhadap negara secara keseluruhan. Isu setempat, di sisi lain, memainkan peranan penting dalam mempengaruhi sokongan politik di peringkat kawasan atau daerah tertentu, iaitu pengundi akan memilih wakil rakyat atau parti politik yang dianggap dapat memperjuangkan kepentingan setempat dengan lebih baik. Oleh itu, penting bagi pemimpin politik dan parti politik untuk memahami kedua-dua isu ini dan memberikan perhatian yang seimbang kepada isu nasional dan setempat dalam strategi politik. Mereka perlu mengambil kira keperluan dan kepentingan pengundi di semua peringkat, serta berkomunikasi dengan jelas mengenai bagaimana mereka akan menangani isu ini.

## **Rujukan**

- Abdullah M. Al-Ansi, Ishomuddin, Tri Sulistyarningsih & Rinikso Kartono. (2019). Rational Choice of Following Muhammadiyah and Nahdlatul Ulama and Their Social and Political Role in Indonesian Society. *Open Access Library Journal*.
- Andreea-Daniela Fedor & Corneliu Iațu. (2021). Women's Participation in the Local Government as Voters, Candidates and Mayors in the North East Region of Romania. *Open Journal of Political Science*: 11: 108-123.
- Boubacar Samake. (2019). Islam and Politics in Mali: What Stakes?. *Open Journal of Political Science*: 9: 538-548.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Abdul Halim Sidek, Jeniri Amir Rosmadi & Novel Lyndon. (2012). Persepsi politik pengundi belia Melayu pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Malaysia *Jurnal Melayu* 9: 191-214.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Azlan Abdullah, Mazlan Ali & Ahmad Rizal Mohd Yusof. (2014). Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu analisis 'Tsunami Politik Bandar'. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*. 10: 28-38.
- Kamsaini Hassan. (1995). Pola Tingkahlaku Pengundi Melayu Kelantan: Kajian Kes di kawasan Parlimen Kota Bharu dan Pasir Mas. Latihan Ilmiah Jabatan Geografi, UKM.
- Kevin M. Cherry. (2009). Masalah Politik: Penyertaan Politik dan Rejim Terbaik Aristotle. 71(4): 1406-1421.
- Majelar Mamat. (1993). Sumbangan Wanita Dalam Pilihan Raya: Kajian Kes di Kawasan Parlimen Nilam Puri (P.22), Kelantan. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Azri Ibrahim & Sity Daud. (2015). Pilihan Raya dan Tingkah Laku Pengundi Dalam PRU 2008: Kajian Kes di Wilayah Persekutuan Labuan, Malaysia. Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan: 56-80.
- Mohd Sayuti Omar. (1994). *Dilema Politik Kelantan: Mampukah BN Gugat Angkatan?*. Kuala Lumpur: Tinta Merah.
- Muhamad Nadzri Mohamed Nor & Mohd Faizal Daud. (2016). Pilihan Raya dalam politik Kelantan 1990-2013: Antara parti, pemimpin dan isu. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics dan Strategic Studies* 43(2): 51-73.
- Rahmat Saripan. (1979). *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan 1776-1842*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
Raya Universiti Malaya (UMCEDEL).